

MANGSA KANAK-KANAK DI DALAM SISTEM KEADILAN JENAYAH 9 APR 2013

Keputusan Mahkamah Rayuan baru-baru ini untuk mengekalkan keputusan lepas dan bebas terhadap seorang lelaki atas tuduhan merogol seorang kanak-kanak amat menyayat hati. Kesedihan ini dirasakan bukan sahaja oleh kanak-kanak tersebut, malah seisi keluarga pengadu, bagi komuniti setempat dan masyarakat Malaysia secara amnya.

Mimpi ngeri keluarga tersebut, dan kesengsaraan selama 5 tahun bermula sejak 2008, apabila kanak-kanak berusia 4 tahun tersebut mula memberitahu keluarganya tentang serangan seksual yang dialami di suatu pusat jagaan kanak-kanak. Kanak-kanak tersebut mula memaklumkan perbuatan tersebut apabila dia perlu dirawat akibat jangkitan kelamin.

Dari masa laporan polis dibuat, hampir 2 tahun berlalu sebelum suspek dituduh di mahkamah. Walaupun tertuduh didapati bersalah dan dihukum selesai perbicaraan pada 2011, beliau berjaya merayu ke Mahkamah Tinggi dan dibebaskan pada 2012. Mahkamah Rayuan telah turut membebaskan tertuduh pada 25 Mac 2013.

Pada kedua-dua peringkat rayuan, keterangan dan kebolehpercayaan kanak-kanak tersebut seringkali diragui meskipun terdapat keterangan fizikal dan psikitrik bahawa kanak-kanak tersebut telah mengalami penderaan seksual. Pertimbangan utama telah diberikan kepada Seksyen 133A Akta Keterangan 1950 yang memerlukan keterangan sokongan untuk keterangan kanak-kanak kecil. Keperluan ini berdasarkan pemikiran bahawa kanak-kanak tidak dapat membezakan antara khayalan atau kenyataan.

Realitinya, keperluan sebegini hampir mustahil dipenuhi kerana biasanya, saksi langsung perbuatan jenayah seksual hanyalah pesalah dan kanak-kanak tersebut. Mahkamah-mahkamah rayuan gagal mempertimbangkan perkembangan baru undang-undang, yang menunjukkan bahawa suruhanjaya-suruhanjaya pembaharuan undang-undang misalnya di Ireland dan Australia, telah menyimpulkan bahawa adalah luarbiasa untuk kanak-kanak kecil mengada-adakan serangkai kejadian seksual ataupun berkhayal tentang serangan seksual.

Malangnya, pendirian untuk meragui keterangan kanak-kanak ini masih berterusan di persada perundangan dan mahkamah-mahkamah rayuan, sedangkan mereka sewajarnya keberatan untuk mengganggu pendapat Hakim Mahkamah Sesyen yang telah mendengar keterangan dan melihat kelakuan kesemua saksi semasa perbicaraan, dan telah memutuskan untuk mempercayai keterangan kanak-kanak tersebut.

Semasa prosiding di Mahkamah Rayuan, telah dilaporkan bahawa Yang Arif Hamid Sultan Abu Backer telah menegur pihak pendakwaan bahawa suatu pertuduhan alternatif sepatutnya telah ditawarkan lebih awal kerana terdapat keterangan untuk mensabitkan atas kesalahan lebih rendah. Timbalan Pendakwa Raya yang mengendalikan rayuan pula telah menjemput mahkamah untuk menggunakan kuasanya untuk membuat sabitan atas kesalahan lebih rendah tersebut, tetapi jemputan ini tidak disambut oleh Mahkamah.

Adalah tidak jelas mengapa pihak pendakwaan semasa perbicaraan asal, ataupun para hakim di mana-mana peringkat mahkamah rayuan, tidak menggunakan kuasa yang ada untuk menukar pertuduhan berdasarkan bukti yang dikemukakan di mahkamah.

Bagi memastikan sistem keadilan jenayah yang berkesan terutamanya di dalam jenayah seksual, Pusat Kesedaran Wanita, Pulau Pinang menegaskan: –

- a) Bahawa pihak mahkamah sewajarnya lebih progresif dalam menggunakan undang-undang berkenaan keterangan sokongan, dengan merujuk kepada fakta-fakta dan kajian terkini, serta hasil rundingan peringkat nasional yang menyeluruh. Undang-undang bertulis jugaw wajar diperbaharui berdasarkan hasil kajian fakta dan rundingan tersebut. Keterangan seorang kanak-kanak tidak sewajarnya diragui hanya berdasarkan faktor umur;
- b) Bahawa perlu dipertingkatkan latihan wajib dan khusus bagi memajukan profesionalisme, komitmen dan amalan beretika pengamal undang-undang, pihak pendakwaan dan sidang kehakiman, terutamanya mengambilkira kepentingan mangsa yang lemah di dalam proses keadilan jenayah, termasuk kanak-kanak; dan
- c) Bahawa kedua-dua pihak pendakwaan dan kehakiman perlu sentiasa berinisiatif dan tidak teragak-agak untuk bertindak secara bersesuaian berdasarkan keterangan yang dikemukakan di mahkamah, bagi kepentingan keadilan.

Pusat Kesedaran Wanita, Pulau Pinang akan terus berusaha ke arah pembaharuan menyeluruh sistem keadilan jenayah, bagi meningkatkan peluang mendapatkan keadilan bagi mangsa kanak-kanak di dalam jenayah seksual.

Pusat Kesedaran Wanita akan terus menyokong mangsa kanak-kanak untuk memastikan keadilan terlaksana.

Melissa Mohd Akhir

Pegawai Advokasi

Pusat Kesedaran Wanita, Pulau Pinang.

9 April 2013